

03 SEP 1998

KOH MINTA RAKYAT PULAU PINANG BERTENANG DAN SOKONG PM

PULAU PINANG, 3 Sept (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini meminta semua rakyat dan anggota BN negeri ini supaya terus bertenang dan bersatu padu menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pucuk pimpinan BN.

"Kita hendaklah terus mengekalkan kestabilan dan keamanan supaya menjamin proses pemulihan ekonomi dan pembinaan negara dapat terus diusahakan dan dimajukan," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Beliau yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang berkata beliau memang berasa terperanjat terhadap perlucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan oleh Perdana Menteri.

Bagaimanapun, beliau berkata, pelantikan dan perlucutan sebarang jawatan Kabinet merupakan kuasa dan prerogatif Perdana Menteri sebagai Ketua Kerajaan Persekutuan.

"Saya menghormati dan akur dengan keputusan Perdana Menteri ini," katanya, sambil menyatakan BN Pulau Pinang memberi kepercayaan kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Presiden BN Malaysia dalam mengurus dan menyelesaikan isu semasa negara.

-- BERNAMA

AHM RI